

61

SOALAN NO. 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL
HADI BIN AWANG [MARANG]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2017

SOALAN :

**YB Dato' Seri Haji Abdul Hadi Bin Awang [Marang] minta PERDANA
MENTERI menyatakan sejauh mana hasrat Kerajaan untuk melaksanakan
kaedah pengundian dalam talian (e-voting) untuk pilihan raya umum (PRU)
ke -14.**

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sentiasa responsif dan menerima secara positif terhadap semua syor penambahbaikan yang dicadangkan oleh pelbagai pihak terutamanya berkaitan dengan pengurusan dan operasi dalam memantapkan sistem pilihan raya di negara ini. Walau bagaimanapun, ia merupakan suatu proses yang memerlukan SPR membuat kajian dalam merencanakan kaedah dengan teliti, terperinci dan tersusun. Sebarang usaha tersebut hendaklah berlandaskan kepada Perlembagaan Persekutuan, akta dan peraturan-peraturan pilihan raya yang sedang berkuatkuasa di samping melihat kepada kesesuaian teknologi terkini dan keperluan semasa. Buat masa ini SPR berpandangan bahawa kaedah pengundian sedia ada masih lagi relevan untuk dilaksanakan dalam pilihan raya di Malaysia.

Sekian, terima kasih.